

## **Contoh Perenggan Pendahuluan**

### **1. Pendahuluan jenis definisi**

Integriti berasal daripada perkataan Latin, iaitu “integer” yang bermaksud menyeluruh, sempurna dan satu kesatuan yang teguh. Kamus Dewan Edisi Keempat pula memberikan maksud integriti sebagai kejujuran atau keadaan sempurna dan utuh. Integriti wajar menjadi amalan masyarakat Malaysia yang cinta akan kehidupan yang aman dan harmoni. Oleh itu, langkah-langkah yang tertentu perlu diambil untuk menyedarkan masyarakat tentang hal ini.

### **2. Pendahuluan jenis pendapat tokoh**

Harold Taylor pernah berkata bahawa akar bagi kejayaan sebenar terletak pada keazaman untuk menjadi yang terbaik. Dengan itu, kita perlu berazam untuk menjadi insan yang terbaik dengan mengamalkan integriti dalam kehidupan. Hal ini perlu diberikan penekanan untuk menjamin kesejahteraan hidup bermasyarakat. Oleh yang demikian, langkah-langkah tertentu perlu diambil untuk menyedarkan masyarakat tentang kepentingan integriti.

### **3. Pendahuluan jenis persoalan**

Cuba anda bayangkan, apakah yang akan terjadi seandainya integriti tidak diamalkan oleh anggota masyarakat? Keamanan dan keharmonian hidup masyarakat mungkin akan terjejas. Oleh yang demikian, adakah kita hanya berpeluk tubuh dan berdiam diri sahaja? Jadi, apakah langkah-langkah yang perlu diambil untuk menyedarkan masyarakat tentang kepentingan integriti?

### **4. Pendahuluan jenis peribahasa**

Terdapat banyak peribahasa Melayu yang mementingkan nilai-nilai baik dalam kehidupan. Antaranya termasuklah “hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah”, “melanting menuju tampuk, berkata menuju benar” dan “cermat masa banyak, jimat masa sedikit”. Dalam kehidupan berintegriti, nilai-nilai yang baik amat dititikberatkan. Oleh yang demikian, kita perlu menyusun langkah untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang pentingnya integriti.